



UNIT MEDIA DAN KOMUNIKASI KORPORAT  
AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
JALAN MAKTAB PERGURUAN ISLAM  
43000 KAJANG  
SELANGOR



Tel : 603-89112423  
Faks : 603-89262150  
Web : <http://www.adk.gov.my>

Ruj. Kami: AADK 100-2/2/2 ( )  
Tarikh: Mac 2016

**Ketua Pengarang  
Utusan Malaysia**

Tuan,

**MAKLUMBALAS AWAM MENGENAI CADANGAN PEWUJUDKAN PUSAT LATIHAN  
MELALUI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 2 MAC 2016 (M/S 27)**

Dengan segala hormatnya pandangan yang dikemukakan oleh **SABAHAN** melalui akhbar Utusan Malaysia bertarikh 2 Mac 2016 adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, berikut merupakan maklumbalas daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) berkenaan aduan tersebut:

**"Terlebih dahulu AADK menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan SABAHAN dalam menyalurkan cadangan berkenaan pewujudan pusat latihan khas untuk bekas penagih. Buat pengetahuan semua pembaca akhbar Utusan Malaysia, AADK sememangnya telah menyediakan pusat latihan kemahiran kepada pelatih fasa akhir yang mengikuti rawatan dan pemulihan dadah. Pusat kemahiran yang dikenali sebagai Cure and Care Vocational Centre (CCVC) Sepang ini menyediakan latihan secara teori, praktikal dan 'on job training' dalam bidang kimpalan, landskap, elektrik dan jahitan. Sejak diperkenalkan, hampir 20% pelatih telah mendapat peluang pekerjaan setelah menamatkan latihan di CCVC Sepang. Namun begitu, sekiranya terdapat aduan berkenaan penyalahgunaan dadah di kawasan pembaca akhbar Utusan Malaysia yang lain, aduan berkenaan boleh disalurkan melalui emel kepada [pro@adk.gov.my](mailto:pro@adk.gov.my)"**

3. Kerjasama pihak tuan untuk menyiarkan maklumbalas tersebut di akhbar Utusan Malaysia amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'  
'KHIDMAT TANPA RASUAH'**

Saya yang menurut perintah,

**(HJ. SALEHUDDIN BIN KLEWAN)**

Pegawai Perhubungan Awam  
b.p Ketua Pengarah  
Agensi Antidadah Kebangsaan  
Kementerian Dalam Negeri

sk:

- YBhg. Dato' Ketua Pengarah AADK
- Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK
- Pengarah Rawatan, Perubatan & Pemulihan AADK

MEMBASMI DADAH ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA  
MARILAH BERTINDAK SEGERA

*ERADICATING DRUG ABUSE IS OUR COLLECTIVE RESPONSIBILITY  
LETS ACT NOW*



Certified to MS ISO 9001:2008  
Cert. No.: KLR 6008765